

## Felda, UKM ke pusingan ketiga

### KUALA LUMPUR 2

**April** - Jaringan tunggal daripada S. Chanturu pada masa kecederaan sudah cukup untuk Felda United melangkah ke pusingan ketiga Piala FA, semalam.

Dalam saingan di Stadium Negeri Sarawak itu, penyerang Felda tersebut menjaringkan gol pada minit ke-93 untuk mengesahkan kemenangan 1-0 ke atas Kuching FA dalam aksi pusingan kedua.

Turut mara ke pusingan ketiga adalah UKM FC selepas membenam Protap FC 5-1 di Stadium UKM, Bangi hasil jaringan Milad Zanidpour dan Mateo Roskam.

Protap FC bagaimanapun meraih gol saguhati menerusi jaringan Hariz Saim pada minit ke-49.

Dalam pada itu, Liga Bola Sepak Malaysia (MFL) hari ini mengesahkan perlawanan melibatkan PDRM dengan Sarawak di MP Selayang ditunda akibat cuaca yang tidak mengizinkan.

Undian pusingan ketiga bakal berlangsung Khamis ini, dengan perlawanan akan diadakan pada 16 dan 17 April ini.